

Tarikh: 07/09/2023

**Pemberitahuan Awam: RSPO Penilaian Semula Persijilan untuk Kilang Kelapa Sawit Belitong, FGV Palm Industries Sdn Bhd, FGV Holdings Berhad (Nombor Keanggotaan RSPO: 1-0225-16-000-00)**

Kepada Pihak Kepentingan,

Ini adalah untuk memberitahu bahawa Kilang Kelapa Sawit Belitong di bawah Syarikat Induk FGV Holdings Berhad dengan nombor keanggotaan RSPO (1-0225-16-000-00) telah melantik BSI Services Malaysia Sdn Bhd ("BSI Malaysia") untuk melaksanakan penilaian Persijilan Semula yang akan dilaksanakan di lokasi Kluang, Johor, Malaysia. Pelaksanaan persijilan akan bermula pada 16/10 hingga 19/10/2023 menggunakan persyarat standard Malaysia National Interpretation 2019 of the RSPO P&C 2018 . Model rantai bekalan adalah Mass Balance.

Nombor RSPO PO ID untuk Kilang Kelapa Sawit Belitong adalah: RSPO\_PO1000001311

FGV Holdings Berhad, yang dahulunya dikenali sebagai Felda Global Ventures Holding Berhad (FGV) merupakan salah sebuah syarikat Malaysia yang menerajui pelbagai sektor perniagaan agri dunia menerusi enam kluster perniagaan utamanya iaitu sawit huluhan, sawit hiliran, pengangkutan, logistik & pemasaran, gula, penyelidikan & pembangunan (R&D) dan perkhidmatan agri, dan getah. Kluster Huluhan Sawit membentuk teras Syarikat dengan jumlah tanah lebih dari 450,000 hektar (Kelapa Sawit dan Getah).

1. Maklumat yang berkaitan dengan data pengeluaran yang akan dinilai adalah sebagai berikut:

Kilang Kelapa Sawit Belitong dan Sumber Pembekal			
<b>Kilang Kelapa Sawit</b>		Kilang Kelapa Sawit Belitong	
<b>Kapasiti KKS (ton/jam)</b>		50 MT/jam	
<b>Alamat / Lokasi</b>		KM 28, Jalan Kluang/Kota Tinggi, 86000 Kluang, Johor, Malaysia	
<b>Rujukan GPS</b> <small>(dalam derajat, menit &amp; detik)</small>	<b>Latitude/Garis lintang</b>	001° 56' 18.00" N	
	<b>Longitude/Garis bujur</b>	103° 29' 55.00" E	
<b>Anggaran Tahunan (MT)</b>	<b>Pegeluaran CPO</b>	4,899.00 mt	
	<b>PK</b>	1,219.00 mt	
	<b>FFB/TBS</b>	23,000.00 mt	

2. Maklumat perincian mengenai Sumber Pembekal sebagai berikut:

No.	Ladang / Pekebun Kecil	Lokasi	Rujukan GPS		Ringkasan Kawasan (Ha)		Anggaran Keluaran FFB Tahunan (MT)	Status Liability (L/NL)	Tarikh sertai (untuk Petani bebas)
			Latitude / Garis lintang	Longitude / Garis bujur	Jum. kaw. yg akan diperakui	Kawasan ditanam			
1.	FGVPM Ladang Bukit Tongkat B	Ladang FGVPM Bukit Tongkat B, 86000 Kluang, Johor, Malaysia	001° 56' 29.00" N	103° 30' 14.00" E	1,237.85	970.25	19,200.00	NL	N/A
2.	FGVASSB Ladang Ulu Belitong	Stesen FGVPM Ulu Belitong, 86000 Kluang, Johor, Malaysia	001° 56' 22.00" N	103° 28' 39.00" E	147.70	127.37	3,800.00	NL	N/A
<b>TOTAL</b>					<b>1,385.55</b>	<b>1,097.62</b>	<b>23,000.00</b>		

Note: L – memiliki Liability; NL – tidak memiliki Liability

Pembekal Ladang untuk persijilan ini tidak termasuk pengembangan penanaman baru Oleh yang sedemikian, tidak ada proses New Planting Procedure.

### 3. Lokasi Unit Pengurusan



BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. diakreditasi untuk menyediakan perkhidmatan persijilan RSPO P&C dan RSPO SCCS pihak ketiga yang bebas. BSI Malaysia adalah anak syarikat Kumpulan BSI, sebuah Syarikat Piagam Diraja Negara Inggeris. BSI adalah jenama terpercaya di dunia dalam menyediakan penyelesaian peningkatan perniagaan dengan lebih daripada 86,000 pelanggan di lebih dari 193 negara. Misi BSI adalah untuk berkongsi pengetahuan, inovasi dan amalan terbaik untuk membantu orang dan organisasi menjadikan kecemerlangan sebagai kebiasaan. BSI adalah Badan Piawaian Nasional UK. BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. mempunyai pejabat gabungan RSPO di Indonesia, Australia, China dan India.

Pasukan Penilaian akan terdiri:

Nama	Peranan / Aspek Pengliputan	Kelayakan dan Pengalaman
Ahmad Rufi bin Abu Talib Khan	Ketua Pasukan Audit Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, aspek lingkungan hidup, HCV & perlepasan gas rumah hijau, penambahbaikan yang berterusan, rantaian bekalan untuk kilang sawit	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi MARA.</li> <li>- Mempunyai pengalaman bekerja selama 2 tahun sebagai juruaudit MSPO di badan pensijilan sebelumnya.</li> <li>- Mempunyai 5 tahun pengalaman dalam industri sawit, khususnya dalam kilang sawit.</li> <li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, MSPO, RSPO P&amp;C, RSPO SCCS dan Latihan HCV-HCS.</li> </ul>
Hafriazhar bin Mohd Mokhtar	Ahli Pasukan Keselamatan dan kesihatan pekerja, prosedur operasi, komitmen organisasi, pematuhan undang-undang, pelan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Universiti Teknologi Malaysia.</li> </ul>

	<p>ekonomi jangka panjang, time bound plan, rantaian bekalan untuk kilang sawit</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempunyai pengalaman bekerja selama lebih 5 tahun dalam bidang berkaitan dengan industri ladang kelapa sawit.</li> <li>- Memiliki pengalaman sebagai juruaudit untuk beberapa standard termasuk CDM, ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001 dan ISO 50001.</li> <li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, RSPO P&amp;C, RSPO SCCS, MSPO, MSPO SCCS, Latihan HCV-HCS dan Latihan Keperluan SMETA.</li> </ul>
<p>Mohamad Amirul Saifullah bin Mohamad Senan</p>	<p>Ahli Pasukan Aspek social dan kebajikan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak, polisi, rantaian bekalan untuk kilang sawit</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian dari Universiti Putra Malaysia.</li> <li>- Mempunyai pengalaman bekerja selama lebih 6 tahun dalam operasi ladang kelapa sawit, pertanian, keselamatan dan bidang berkaitan kesihatan. Beliau telah berkhidmat dengan sebuah organisasi perladangan yang disenaraikan secara terbuka sejak 2012.</li> <li>- Bertanggungjawab dalam penyeliaan dan pemantauan untuk memastikan semua operasi ladang mematuhi keperluan dan peraturan RSPO, ISCC dan MSPO, amalan pertanian baik dan prosedur operasi standard yang lain.</li> <li>- Mempunyai pengetahuan yang baik di lapangan dalam sektor minyak sawit seperti asas industri mengenai amalan pertanian yang baik, amalan pengurusan terbaik, kemampunan, isu sosial dan OHS (dalam isu kebajikan pekerja dan perkara sosial seperti terma pekerjaan, isu jantina, kebajikan pekerja dan sebagainya), hal alam sekitar (kawalan pencemaran, pemuliharaan sumber).</li> <li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, RSPO P&amp;C, RSPO SCCS, MSPO, MSPO SCCS, dan Social accountability (SA8000).</li> </ul>

Sebagai persediaan untuk proses penilaian, pihak berkepentingan yang berkaitan dijemput untuk memberikan input bertulis mengenai penilaian ini dengan memberi komen mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan unit pensijilan. Topik yang mungkin ingin anda komen adalah seperti berikut tetapi tidak terhad kepada:

- Perlindungan dan Penjagaan lingkungan hidup
- Hak Asasi Manusia & kebajikan pekerja
- Peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- Free, prior and informed consent
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen yang diterima dalam masa 30 hari dari tarikh surat ini akan dipertimbangkan dalam Penilaian. Sila sertakan butir-butir berikut sekiranya kami mungkin perlu menghubungi anda untuk mendapatkan penjelasan atau tindakan lanjut mengenai masalah yang dibangkitkan oleh anda.

Nama: .....  
Jabatan: .....

Emel: .....  
Nombor telefon: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengurus Skim:**


Dr. Chaiyaporn Seekao  
BSI Services Malaysia Sdn. Bhd.  
Suite 29.01 Level 29 The Gardens North  
Tower, Mid Valley City Lingkaran Syed Putra  
59200 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan, Malaysia  
Faks : +603 9212 9639  
Emel : [chaiyaporn.seekao@bsigroup.com](mailto:chaiyaporn.seekao@bsigroup.com)

**DAN / ATAU****Auditee:**

En. Ameer Izyanif bin Hamzah  
FGV Holdings Berhad  
Level 20, West Wing  
Wisma FGV, Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan, Malaysia  
Faks : +603 2789 0503  
Emel : [ameer.h@fgvholdings.com](mailto:ameer.h@fgvholdings.com)

Terima kasih dan maklumbalas yang diberikan amat dihargai.

Yang benar,



.....  
Dr. Chaiyaporn Seekao  
Pengurus  
Teknikal & Pematuhan - Makanan (RSPO)